

1989

KUALA LUMPUR 6 DIS. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENEGUR PUSAT-PUSAT PERUBATAN SWASTA YANG NAMPAKNYAMEMBERI TUMPUAN BERLEBIHAN KEPADA GOLONGAN KAYA DAN 'TIDAK SENCUKUPNYA; UNTUK GOLONGAN BERPENDAPATAN RENDAH.

KETIKA MERASMIKAN SIMPOSIUM SEHARI MENGENAI RAWATAN KESIHATAN DI SINIHARIINI, PERDANA MENTERI MENEGASKAN BAHAWA SETIAP INDUSTRI, LEBIH LAGI INDUSTRI KESIHATAN, MEMPUNYAI TANGGUNG JAWAB SOSIAL. OLEH ITU PUSAT-PUSAT PERUBATAN SWASTA JANGANLAH DIDORONG SEMATA-MATA OLEH KEUNTUNGAN.

+ LAGIPUN MASYARAKATLAH YANG MEMBERIKAN HAK APA YANG BOLEH DIKATAKAN MONOPOLI KEPADA PROFESION PERUBATAN UNTUK MENGAMALKAN KERJATERSEBUT DAN WANG RAKYATLAH YANG MENYOKONG PELAJARAN PERUBATAN, + TAMBAH BELIAU.

BELIAU MENEGASKAN BAHAWA OLEH ITU ADALAH WAJAR ORANG RAMAI DIBERIKAN PERKHIDMATAN YANG BERPATUTAN DAN TIDAK DINAFIKAN RAWATAN OLEH KERANA BAYARAN YANG TINGGI, PENUMPUAN KEMUDAHAN YANG TIDAK SEPATUTNYA KEPADA KAWASAN BERPENDAPATAN TINGGI ATAU LAIN-LAIN BENTUK HALANGAN TERHADAP MEREKA.

SIMPOSIUM ITU DIANJURKAN OLEH SEBUAH FIRMA PEMBINAAN, YEOHTIONG LAY-WILMA, YANG SEDANG MENJALANKAN PEMBINAAN HOSPITAL BESAR KUALA TERENGGANU BERHARGA \$92.4 JUTA SECARA SIAP-GUNA.

DR MAHATHIR MENARIK PERHATIAN KEPADA PERKEMBANGAN PERKHIDMATAN RAWATAN KESIHATAN SEKTOR SWASTA DI LEMBAH KELANG DAN DI BANDAR-BANDAR BESAR DI NEGARA INI YANG DIXIFATKANNYA SEBAGAI TIDAK PERNAH BERLAKU.

KEMUDAHAN-KEMUDAHAN ITU MELIPUTI PERKHIDMATAN TUNGGAL DAN RUMAH-RUMAH BERSALIN YANG KECIL SEHINGGALAH KEPADA HOSPITAL DENGAN BEBERAPA RATUS KATIL, KATANYA.

KEDUDUKAN PUAT-PUSAT ITU, KATANYA, ADALAH JELAS DIPENGARUHI OLEH DAYA TARIKAN PASARAN, SEPERTI PELANGGAN-PELANGGAN YANG MAMPU MEMBAYAR UNTUK PERKHIDMATANNYA.

+ SAMBIL MENGALU-ALUKAN PERKEMBANGAN INI, KERANA KHIDMAT SOKONGANNYA KEPADA PENDUDUK BANDAR YANG LEBIH BERADA, KERAJAAN MAT SEDAR BAHAWA IA BOLEH MEMBURUKKAN LAGI JURANG YANG ADA DALAM RAWATAN PERUBATAN ANTARA PENDUDUK-PENDUDUK LUAR BANDAR DAN BANDAR.

+ PERKEMBANGAN SEUMPAMA INI ADALAH JELAS TIDAK DIINGINI, + TAMBAH BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KERAJAAN AKAN TERUS MENGADAKAN PERKHIDMATAN PERUBATAN YANG DIBANTU SEPENUHNYA ATAU SEBAHAGIANNYA KE TAHAP YANG TERMAMPU OLEH EKONOMI NEGARA INI.

KATANYA RAKYAT DARI GOLONGAN BERPENDAPATAN TINGGI SEPATUTNYA MAMPU MEMBAYAR UNTUK RAWATAN MEREKA DAN DENGAN ITU MENGURANGKAN BEBAN YANG DITANGGUNG OLEH KERAJAAN KE ATAS RAWATAN KESIHATAN NEGARA INI.

SEKTOR SWASTA, KATANYA, BOLEH MELICINKAN LAGI PERKONGSIAN KOS TERSEBUT DENGAN MENENAKAN BAYARAN YANG SERENDAH MUNGKIN, SECARA SUBSIDI TIMBAL-BALAS DAN DENGAN MEMBUKA KLINIK-KLINIK DAN HOSPITAL-HOSPITAL DI KAWASAN-KAWASAN YANG TIDAK MEMPUNYAI KEMUDAHAN.

DENGAN ITU PERKHIDMATAN YANG DITAWARKAN OLEH SEKTOR SWASTA AKAN DAPAT DINIKMATI OLEH LEBIH BANYAK RAKYAT, TERMASUK MEREKA YANG SEBALIKNYA BERTUMPU KEPADA KEMUDAHAN-KEMUDAHAN KERAJAAN YANG TELAH PUN SESAK, KATANYA.

PERDANAMENTERI BERKATA BAGI MEMENUHI PERMINTAAN MASYARAKAT SECARA BERKESAN, HOSPITAL SWASTA HENDAKLAH MENAWARKAN BEBERAPA JENIS PERKHIDMATAN DAN KEMUDAHAN YANG UMUMNYA BERKAITAN DENGAN SEBUAH HOSPITAL.

BELIAU BERKATA SEBAGAI CONTOH, HOSPITAL TERSEBUT HENDAKLAH HENCADAKAN PERKHIDMATAN BAGI KEMALANGAN DAN KECEMASAN YANG DIBUKA SEPANJANG WAKTU. TIDAK SEORANGPUN, MISALNYA, MANGSA KEMALANGAN PATUT DITOLAK BANTUAN KECEMASAN ATASALASA IA PUKAN PESAKIT BIASA DI SITU ATAU KERANA TIDAKBOLEHMENGADAKAN PENJAMIN YANG DIKEHENDAKI.

DR. MAHATHIR BERKATA KEMENTERIAN KESXHATAN SEDANG MENKKAJI SEMULA UNDANG-UNDANG YANG ADA BERKAITAN DENGAN PENDAFTARAN HOSPITAL-HOSPITAL SWASTA BAGIMENJAMINPIAWAIAN PERUNDANGAN YANG MINIMUM UNTUK MENGHASILKAN RAWATAN PERUBATAN YANG OPTIMUM. -- BERNAMA  
U 1247MST 04 12 84